



**colloquium**  
**isme**  
Empowering Local Mind in Art Design  
& Cultural Heritage  
**2016**

Empowering Local Mind  
In Art Design & Cultural Heritage

# 3rd ISME International Colloquium 2016

**proceeding book**

27 & 28  
December  
2016

Universiti  
Teknologi MARA,  
Melaka, Malaysia.

*In collaboration with:*





Empowering Local Mind  
In Art Design & Cultural Heritage

# 3rd ISME International Colloquium 2016

## **EDITORS AND COMPILERS:**

Dr. Azahar Harun  
Dr. Rosli Zakaria  
Dr. Abd Rasid  
Pn. Haslinda Abd Razak  
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh  
En Nadzri Mohd Sharif  
En. Shaleh Mohd Mujir  
Pn Fatrisha Mohamed Yussof  
Pn Anith Liyana Amin Nudin  
Pn Ilinadia Jamil  
Cik Fazlina Mohd Radzi  
Cik Aidah Alias  
Cik Nurkhazilah Idris

## **COVER DESIGN:**

Norsharina Samsuri

## **PUBLISHED BY:**

Faculty of Art & Design,  
UiTM Melaka  
KM26 Jalan Lendu,  
78000 Alor Gajah, Melaka  
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113  
Email : ismefssr@gmail.com  
Web : <http://isme2016.weebly.com>  
ISBN : 978-967-0637-26-6

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.*



Empowering Local Mind  
In Art Design & Cultural Heritage

# 3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016  
Faculty of Art & Design,  
UiTM Melaka  
KM26 Jalan Lendu,  
78000 Alor Gajah Melaka  
<http://isme2016.weebly.com>

# Content

1	<b>Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands</b>	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	<b>The Image of Man after September 11</b>	21
	<i>Mohd. Shaharudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shaharin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	<b>The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image</b>	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	<b>Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study</b>	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	<b>Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur</b>	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	<b>An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia</b>	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	<b>The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context</b>	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	<b>Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin</b>	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	<b>Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan</b>	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	<b>Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks</b>	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	<b>Ilustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan</b>	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	<b>Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah</b>	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	<b>Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan</b>	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	<b>Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice</b>	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	<b>Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style</b>	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	<b>Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: Pakai Semutar Kain Lepas.</b>	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	<b>The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context</b>	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	<b>Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product</b>	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin &amp; Ariff Ali</i>	
19	<b>Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia</b>	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian &amp; Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	<b>Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India</b>	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	<b>Cetusan Idea Seni Tekat Perak</b>	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail &amp; Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	<b>Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students</b>	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari &amp; Shaharin Sulaiman</i>	
23	<b>Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design</b>	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob &amp; Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	<b>Diversification of Batik Jarum Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency</b>	225
	<i>Margana</i>	

25	<b>Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District</b>	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi &amp; Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	<b>Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan</b>	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof <sup>1</sup> Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	<b>Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual</b>	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	<b>Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual</b>	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah &amp; Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	<b>Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa</b>	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil &amp; Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	<b>Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran</b>	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh &amp; Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	<b>Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan</b>	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail &amp; Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	<b>Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya</b>	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	<b>Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk</b>	343
	<i>N. H Ramle &amp; R. Abdullah</i>	
34	<b>Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik</b>	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	<b>Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi</b>	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdri</i>	

36	<b>Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi</b>	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed &amp; Ridzuan Hussin</i>	
37	<b>The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products</b>	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	<b>Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children</b>	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	<b>Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis &amp; Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016</b>	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhozilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	<b>Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol</b>	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	<b>Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik</b>	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	<b>Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan</b>	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	<b>Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME</b>	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	<b>Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta</b>	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	<b>Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya</b>	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	<b>Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara</b>	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	<b>Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks</b>	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	<b>Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend</b>	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	<b>Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia</b>	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	<b>Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu</b>	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan &amp; Azni Hanim Hamzah</i>	
51	<b>Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah</b>	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan &amp; Zuliskandar Ramli</i>	
52	<b>Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks</b>	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yussof, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	<b>Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview</b>	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	<b>The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula</b>	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	<b>The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers</b>	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	<b>The Status Quo of Malaysian Printmaking</b>	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	



## Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu

Noor Hafiza Ismail<sup>1</sup>, Hamdzun Haron<sup>2</sup>, Zuliskandar Ramli<sup>3</sup>, Salina Abdul Manan<sup>4</sup>  
& Azni Hanim Hamzah<sup>5</sup>

<sup>1-3</sup>Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia,  
3600 Bangi, Selangor

<sup>4</sup>Kolej Komuniti Batu Gajah, 31000 Batu Gajah, Perak.

<sup>5</sup>Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka Kampus Alor Gajah, 78000 Alor  
Gajah, Melaka

\*corresponding author: yurizinsen@yahoo.com

**Abstrak**— Terengganu terletak di kawasan Pantai timur Semenanjung Malaysia yang mana merupakan sebuah negeri yang mempunyai pusat pentadbiran di pesisir pantai. Segala bentuk pengurusan negeri dikendalikan oleh Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu. Oleh itu sebarang urusan berkaitan dengan pembinaan masjid berada dibawah pengawasan majlis tersebut. Kedatangan Islam ke Terengganu melahirkan banyak masjid-masjid sebagai rumah Allah yang berfungsi menyampaikan ajaran Islam. Mengikut sumber dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu yang telah direkod bahagian pengurusan sebanyak 498 buah masjid telah dibina. Masjid-masjid di Terengganu ini mula banyak dibina selepas tahun 2004. Melalui pembinaan masjid, maka lahirlah mimbar yang menjadi satu elemen wajib ada pada pembinaan sesebuah masjid. Pembinaan mimbar mempunyai perkaitan di antara struktur reka bentuk mimbar dengan anggota badan kurang diberi perhatian oleh masyarakat umum. Bagi memberi pendedahan kepada masyarakat penelitian pada kajian struktur mimbar dijalankan dengan lebih terperinci. Hasil dari kajian yang dijalankan mendapati setiap struktur mimbar mempunyai perkaitan dengan struktur anggota badan manusia. Hasil dari kajian reka bentuk mimbar menunjukkan setiap kesenian Melayu mempunyai perkaitan dalam kehidupan seharian diantara satu sama lain. Reka bentuk mimbar menjadi kesenian yang dapat menjadikan seseorang manusia itu sentiasa berfikir tentang kehidupan di antara manusia dengan pencipta, sesama manusia dan alam sekitar.

**Kata Kunci:** Reka Bentuk; Mimbar; Masjid; Terengganu

## 1. PENGENALAN

Mimbar terdiri daripada beberapa struktur reka bentuk pada setiap bahagian seni bina serta dilengkapi dengan keindahan binaan dengan makna yang tersirat dan tersurat. Setiap makna dapat dilihat dan dihayati melalui struktur reka bentuk yang boleh difikirkan secara langsung dan tidak langsung. Penyampaian sesuatu kepada masyarakat Melayu terdahulu sama ada dalam bentuk nasihat mahupun sinis disampaikan kepada masyarakat secara berhalus dan berhemah dengan kata-kata yang lemah lembut. Penggunaan komunikasi yang berhemah dapat mengelakkan berlakunya perselisihan faham mahupun pertelagahan dikalangan masyarakat disebabkan orang Melayu sangat menjaga adab serta mementingkan hati dan perasaan orang yang berda di persekitaran mereka. Penjagaan perasaan ini dapat dikesan melalui pelbagai bentuk bacaan mahupun percakapan seperti puisi, peribahasa dan naratifnya [4]. Bersesuaian dengan ajaran di dalam agama Islam itu sendiri yang menggalakkan sebarang bentuk komunikasi yang menekankan bentuk kesantunan yang mencerminkan budaya yang mencerminkan sesebuah ketamadunan yang beradap sopan dan tidak akan dianggap sebagai sesuatu yang tidak beradap [3]. Sesuatu yang disampaikan kepada seseorang mahupun kepada sekelompok masyarakat dilakukan secara berhemah dengan penyampaian berlapis menggambarkan adat dan budaya Melayu yang penuh dengan kesopanan di dalam kehidupan bermasyarakat. Bentuk penyampaian lemah lembut mendidik setiap manusia dengan sikap yang murni melalui adab dan sopan apabila berbicara mengelakkan seseorang itu berkecil hati yang dapat mengakibatkan keadaan yang huru hara serta pergaduhan sesama manusia. Di dalam reka bentuk mimbar, simbol-simbol tertentu digunakan sebagai alat pemberitahu cara kepada masyarakat agar mudah difahami dengan jelas.

## 2. KAEDAH KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan di dalam kajian ini dimana segala bahan dan data diperolehi melalui pelbagai jenis bahan bacaan yang saling berkaitan dengan reka bentuk mimbar melalui pelbagai jenis kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik yang lepas. Temuramah turut dijalankan di seluruh kawasan kajian yang merangkumi 7 daerah Negeri Terengganu meliputi semua masjid pada tahun 2009 hingga 2014. Segala bentuk maklumat yang diperolehi digunakan bagi menganalisis setiap bahagian dengan lengkap. Maklumat yang tepat dan sempurna sangat penting supaya dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik akan datang. Kaedah kajian yang digunakan sebagai satu langkah utama bagi mengetahui sebarang bentuk permasalahan mengenai kajian yang dikaji bagi menjawab segala bentuk persoalan kajian. Kajian lepas oleh penyelidik terdahulu turut digunakan supaya kajian yang dijalankan lebih mantap dan penuh ketelitian apabila telah diselesaikan. Kajian ini seterusnya dapat memberi pelbagai maklumat yang bernilai untuk dikongsi kepada masyarakat sahaja tetapi kepada seni dan budaya Terengganu dalam bidang seni bina.

Disamping itu menjadi sebagai satu bidang yang turut menjana sumber ekonomi kepada para pembuat mimbar dalam usaha memelihara identiti warisan tradisi seni bina mimbar melayu daripada pupus ditelan arus permodenan.

### 3. DAPATAN & PERBINCANGAN

Teori simbolisme digunakan pada setiap struktur reka bentuk mimbar yang dikaji bagi dapatan kajian yang lebih mantap dan padat pada setiap bahagian. Teori simbolisme yang diimplimentasikan pada reka bentuk mimbar menunjukkan perkaitan diantara manusia dengan alam sejagat yang menunjukkan hiraki piramid susunan anggota badan manusia [4]. Teori ini digunakan bertujuan mengetahui makna di sebalik symbol yang dihasilkan melalui reka bentuk mahupun corak. Simbol digunakan di dalam bidang semiotic yang mana dipercayai berasa dari perkataan Yunani bermaksud semeion merujuk pada istilah taanda. Istilah ini memberi erti tentang komunikasi dua hala di antara manusia dengan persekitaran mereka. Dimana ia menjadi sebagai Bahasa dalam sistem tanda boleh dibezakan diantara signal dengan simbol. Bagaimanapun J.D. Parera (2004) menjelaskan semiotik bukan sahaja berhubung dari segi penggunaan isyarat Bahasa sahaja tetapi turut berhubung dengan isyarat bukan Bahasa melalui komunikasi di dalam hidup manusia [2]. Ia menjadi suatu bentuk yang penting bagi memudahkan komunikasi dua hala diantara sesama manusia. Contoh yang dapat dilihat dalam system kenegaraan seperti Perundangan, sosial dan warisan. Ia menjadi symbol yang berfungsi, bermakna dan mempunyai ketinggian nilai kepada masyarakat khususnya pada generasi muda masa kini. Contoh simbolisme pada reka bentuk mimbar dapat dilihat pada bentuk ruangan khatib yang terbuka dan tidak tertutup.

Menurut Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2009), simbol sebagai satu komponen kepada kiasan yang mempunyai makna dan pengertian tertentu dibaliknya [2]. Namun begitu, di dalam Alam Melayu ia menjadi simbol yang memberi makna mengikut tatacara kehidupan masyarakat Melayu ketika itu [8]. Merujuk pada bentukn dalam pemerhatian bidang kebudayaan berasaskan 'sistem simbol' ia sebagai satu cara berbentuk 'tanda' dan 'lambang' memberikan 'makna'. Dimana manusia berkebolehan dalam memberitahu makna kepada sesuatu perkara yang digambarkan [9]. Bahasa ini turut menjadi Bahasa universal yang mana digunakan diseluruh dunia tetapi berpandukan kepada benda yang sama. Ilmu tanda ini diterapkan ke dalam media visual menjadi satu pendekatan yang terbaik dalam komunikasi manusia yang mana mudah untuk dijelaskan dan dianalisis melalui sesuatu pengertian kepada sesuatu tanda yang dipamerkan [10].


Hasil kajian mendapati struktur pada reka bentuk mimbar mempunyai persamaan dengan anggota badan manusia bermula dari bahagian kaki hingga kepala. Setiap bahagian saling berkaitan diantara satu sama lain. Persamaan ini bukan sahaja pada reka bentuk mimbar sahaja tetapi banyak digunakan pada seni bina rumah Melayu melalui proses pembuatan rumah mahupun rumah yang telah siap dibina [1]. Ini menunjukkan masyarakat terdahulu menyamakan anggota badan mereka dengan anggota atau struktur pada bahagian lain. Manakala bahagian

pada struktur yang dikaji mempunyai makna yang tersirat dari segi simbolisme yang dipaparkan [7]. Simbol tersebut sebagai asas kepada pembentukan dan penciptan sesuatu dalam masyarakat yang meliputi pelbagai bentuk gunaan harian.

Jadual 1. Persamaan diantara anggota badan manusia dengan struktur mimbar.

No	Anggota Utama	Anggota Kecil	Struktur Mimbar
1.	Kepala	Kepala	Bumbung
2.		Leher / tengkuk	Ukiran atas (bumbung)
3.	Badan	Bahu	Ukiran utama bahagian atas
4.		Dada	Tiang dan ruang kosong tempat khatib memberi khutbah (melihat khatib dengan jelas)
5.		Perut	Tempat khatib meletakkan nota khutbah
6.	Kaki	Punggung	Ukiran bawah
7.		Paha / betis	Tangga
8.		Kaki	Tapak

Jadual diatas menunjukkan struktur reka bentuk mimbar yang mempunyai persamaan dengan anggota badan manusia dibahagikan kepada tiga anggota utama terdiri daripada kaki, badan dan kepala. Bahagian utama pula dikhelaskan kepada anggota yang lebih kecil. Setiap struktur mimbar saling berhubungan di antara satu sama lain. Perhubungan diantara struktur reka bentuk menghasilkan sebuah mimbar yang kukuh dan cantik binaannya. Ia dapat dilihat pada perhubungan struktur-struktur utama dengan struktur pada anggota kecil yang menjadi elemen penting dalam pembentukan mimbar negeri Terengganu.



Rajah 1 : Kedudukan diantara anggota badan manusia dengan mimbar.

### 3.2 *Kepala*

Kepala merupakan anggota badan manusia yang paling utama dan terpenting kepada organisasi organ manusia yang menjadi agen utama pergerakan dalaman manusia. Kerosakan pada bahagian ini akan memberi tekanan berat pada isi dalam kepala yang menghubungkan setiap sudut dan ruang pada anggota keseluruhan manusia. Kepala bukan sahaja penting dari aspek sains dan kesihatan malah menjadi bahagian yang paling dihormati bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu tetapi kepada bangsa lain. Kepala dijaga dengan sebaiknya oleh manusia itu sendiri dimana pada bahagian ini terdapat dua bahagian terpenting terdiri daripada kepala dan leher atau tengkuk. Kepala yang terletak pada bahagian paling teratas mengikut kedudukan anggota badan manusia mempunyai persamaan dengan bumbung mimbar.

Manakala bahagian yang terpenting ini dapat dilihat pada bumbung mimbar yang terletak pada bahagian paling tinggi dan teratas yang sukar untuk dicapai. Bahagian kepala dapat dilihat pada dua bahagian utama iaitu kepala dan leher. Kepala merupakan petunjuk kepada bumbung mimbar yang berfungsi sebagai pelindung dari hujan dan panas sama seperti reka bentuk binaan rumah. Namun begitu, terdapat beberapa bilangan mimbar masa kini yang dibina tanpa bumbung tidak seperti pada masa dahulu. Kedudukan bumbung di tengah antara mimbar memberi keseimbangan kepada kestabilan sesuatu reka bentuk. Bumbung mimbar Terengganu kebanyakannya berbentuk segitiga melengkung dimana pada ruangan tapak berbentuk bulat yang akan makin mengecil ke puncak sehingga terbentuk bucu tajam. Manakala pada bahagian tapak akan dikelilingi oleh ukiran tebuk tembus yang berulang bentuk dikenali sebagai leher mimbar. Ukiran tersebut sebagai penghias dan ukiran pertama yang akan dilihat selepas bumbung.

### 3.3 *Badan*

Badan merupakan anggota kedua terpenting selepas kepala dimana ia terletak pada bahagian tengah diantara kepala dengan kaki. Tanpa badan bahagian kaki mahupun kepala tidak akan sempurna memandangkan setiap struktur memainkan peranan masing-masing dalam pembentukan mimbar. Badan dapat dibahagikan kepada tiga jenis anggota kecil terdiri daripada bahu, dada dan perut. Bahu merupakan ruangan kepada ukiran utama selepas ukiran yang terdapat pada leher. Ukiran pada bahu dikatakan sebagai ukiran utama memandangkan ukiran pada bahagian ini lebih menyerlah serta dihasilkan dalam saiz yang lebih besar berbanding dengan ukiran pada bahagian leher. Ukiran pada bahu dapat dilihat dalam bentuk ukiran penuh dimana terdiri daripada ukiran tebuk tembus bersilat. Pada bahagian bahu, terdapat empat sudut yang dikelilingi dengan ukiran dimana dapat dilihat pada pandangan hadapan, tepid an belakang. Setiap sudut pandangan pula menghubungkan ukiran simetri dimana terdapat ukiran yang sama di kanan dan kiri sesuatu sudut.

Dada dapat dilihat pada empat batang tiang yang menjadi struktur asas kedudukan mimbar supaya berada dalam keadaan kukuh dan stabil sesuatu mimbar berdiri. Ia terletak pada ruangan tepi dan bersifat terbuka yang mana pada bahagian tengah diantara tiang berdirinya seorang khatib menyampaikan khutbah. Terdapat juga tiang pada mimbar-mimbar yang dihiasi dengan ukiran tebuk timbul bersilat pada sudut tertentu. Kadangkala ukiran yang dibina hanya menghiasi pada permukaan tiang sahaja dan terdapat juga ukiran yang mengelilingi keseluruhan tiang walaupun dalam saiz yang kecil.

Perut pula dihubungkan dengan tempat para khatib meletakkan segala nota khutbah dalam bentuk Salinan kertas yang biasanya digunakan dan dijadikan panduan menyampaikan khutbah jumaat. Disamping itu, turut dijadikan ruangan bagi meletakkan nota berkaitan kuliah agama. Terdapat sebilangan daripada ruangan yang dikenali sebagai pelapik nota mimbar ini yang mana binaannya dihiasi dengan pelbagai jenis ukiran tebuk tembus mahupun ukiran tebuk timbul bersilat mahupun tidak bersilat. Kebanyakannya dibina pada permukaan hadapan sahaja tetapi terdapat juga yang menghiasi pada sudut kanan dan kiri binaan tersebut.

### 3.4 Kaki

Anggota yang paling bawah pada bahagian anggota badan manusia merupakan kaki yang menjadi anggota ketiga terpenting. Walaupun kaki menjadi anggota yang terakhir mengikut kedudukan dan fungsi tetapi ia memainkan peranan penting dalam menstabilkan kedudukan mimbar sebagai tapak utama. Tanpa kaki yang mantap dan kuat ia mampu merobohkan keseluruhan anggota yang lain. Disini menunjukkan kaki memainkan peranan penting dalam menampung keseluruhan berat mimbar. Tanpa kaki yang stabil ia mampu meruntuhkan sesuatu mimbar. Kaki terbahagi kepada tiga anggota kecil yang saling mempunyai peranan dan fungsi. Bahagian ini dibahagikan kepada punggung, paha atau betis dan kaki yang mempunyai fungsi tersendiri.

Pada struktur kaki, punggung merupakan ukiran pada aras bawah sesuatu mimbar. Ukiran bawah dibina mengelilingi setiap ruangan mimbar. Terdapat ukiran penuh mahupun separa penuh pada ruangan ini bergantung kepada rekabentuk sesuatu mimbar. Manakala bahagian kedua iaitu paha atau betis berkaitan dengan struktur tangga. Pada bahagian tangga kebiasaannya dibina dengan ukiran tebuk tembus dimana ia dihiasi dengan ukiran geometrik pada sisi kanan dan kiri tangga.

Seterusnya kaki yang menjadi anggota terakhir di dalam susun atur kedudukan reka bentuk mimbar namun menjadi anggota yang paling utama dan terpenting kepada kestabilan dan kekuatan sesuatu mimbar. Sekiranya kaki yang menjadi tapak kepada mimbar yang tidak tahan lasak mahupun kukuh mampu meruntuhkan keseluruhan struktur reka bentuk mimbar.

### 3.5 Keseluruhan Struktur Mimbar

Sehubungan itu dapat dirumuskan bahawa tiga anggota utama dan kecil pada struktur reka bentuk mimbar mempunyai persamaan dengan anggota badan manusia. Setiap struktur mempunyai fungsi masing-masing yang saling melengkapi diantara satu sama lain sehingga membentuk sebuah mimbar yang kukuh serta menarik. Perhubungan setiap struktur menghasilkan ruang yang berbeza dimana terbinanya seni mimbar yang bersifat estetik didalam seni Masyarakat Melayu.

## 4. KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan menunjukkan mimbar yang dibina berpandukan struktur reka bentuk anggota badan manusia. Namun begitu bukan semua mimbar mempunyai struktur yang lengkap seperti anggota badan manusia yang terdiri dari anggota utama dan anggota kecil. Terdapat juga mimbar yang tidak lengkap pada struktur tertentu seperti tidak berbumbung. Kebanyakan mimbar masa kini dibina dengan bentuk yang moden sehingga menghilangkan rupa bentuk tradisi. Bumbung berfungsi sebagai bahagian yang menahan air hujan, ribut dan panas terik diadaptasi kepada rupa bentuk mimbar. Bumbung turut berperanan sebagai bahagian yang dapat memberi memberi jaminan keselamatan. Sementara bahu menjadi anggota kedua terpenting selepas kepala. Secara menyeluruh bahu merupakan bahagian yang mempunyai ukiran utama terdiri daripada ukiran tebuk tembus bersilat. Pada bahagian ini ukiran penuh bersimetri dibina dimana dikanan dan kiri menggunakan ukiran yang sama saiz dan bentuk. rang. Kebanyakan ukiran tebuk tembus digunakan pada sesuatu binaan berfungsi sebagai ruang pengaliran udara yang sempurna disamping sebagai tempat kemasukan cahaya yang terang.

Manakala kaki merupakan anggota utama ke tiga yang terakhir terdiri daripada anggota kecil seperti punggung, paha atau betis dan kaki. Punggung dapat dilihat pada ukiran paling bawah pada reka bentuk mimbar. Pada bahagian ini terdapat mimbar yang mempunyai ukiran lengkap, ringkas bermaksud mempunyai ukiran motif yang berada di dalam kelompok tertentu. Tidak seperti ukiran yang lengkap dibina dengan memenuhi ruangan permukaan papan pada mimbar tersebut. Bagaimanapun terdapat juga beberapa bilangan mimbar yang dibiarkan kosong pada permukaan punggung tanpa sebarang ukiran langsung. Secara keseluruhan kajian yang dijalankan menunjukkan setiap bahagian pada anggota badan manusia saling berkaitan dengan dengan struktur mimbar dimana mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Disini menunjukkan sesuatu reka bentuk mahupun seni bina Melayu bukan bersifat perhiasan semata-mata tetapi mempunyai makna disebalik penghasilannya serta bersifat praktikal. Ia juga menjadi inspirasi dalam mendekatkan manusia dengan pencipta, alam sekitar dan sesama manusia.

## RUJUKAN

- [1] Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2006). *Petua Membina Rumah Melayu dari sudut Etnis Antropologi*. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- [2] Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- [3] Nafisah Abdul Hamid. Tanpa Tahun. Kesantunan Bahasa- Penggunaan Sistem Sapaan dan Eufemisme dalam Komunikasi. Perkongsian Profesional bagi Guru-Guru Permulaan. <http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/files/MLCS-Final-9-38.pdf> . Muka surat 1-35.
- [4] Nik Lukman Nik Ibrahim . 2006. *Teori & Idea Senibina*. Kuala Lumpur:NLNI 6
- [5] Noriati A. Rashid. Nilai kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15, 2005. Muka surat 232-253. [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/23959/Article\\_11.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/23959/Article_11.PDF) 7
- [6] J.D. Parera (2004). *Teori Semantik*. Jakarta : Penerbit Erlangga.2
- [7] Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2009. Masalah Tafsiran Idea Seni Bina Masjid 3dari Perspektif Historiografi Barat. Dlm. Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zin, Nasruddin Yunos dan Ezad Azraai Jamsari (pnyt.). *Dunia Melayu dan Islam*, hlm. 275-282. Bangi. Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- [8] Othman Mohd. Yatim. 2000. *Mengukir Kegemilangan Lalu: Biografi Wan Su Othman Mohd.*
- [9] Rahim Syam Norhale. 1985. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- [10] Santi Indra Astuti (2003). *How to Do Media and Cultural Studies: Panduan untuk Melaksanakan Penelitian dalam Kajian Media dan Budaya*. Jakarta:PT Bentang Pustaka.